


Ahad, 7 Jun 2020 | 7:42pm



Pengusaha salon rambut mengemas dan membersihkan peralatan mengikut Prosedur operasi standard (SOP) bagi perkhidmatan gunting rambut di Taman Permata, Kuala Lumpur. Kerajaan mengumumkan pembukaan operasi bagi perkhidmatan gunting rambut bermula 10 Jun ini. - Foto Mohamad Shahril Badri Saali

## Caj tambahan gunting, dandan rambut munasabah RM4

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.muzamir@bh.com.my

**KUALA LUMPUR:** Caj tambahan baharu bersesuaian dikenakan bagi perkhidmatan gunting dan dandanan rambut adalah RM4 bagi setiap pelanggan.

Kadar itu dikemukakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan mengambil kira kos apron dan sarung tangan pakai buang serta cecair sanitasi tangan.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata justeru pengusaha perkhidmatan itu perlu mengenakan caj sejajar dengan kos tambahan terpaksa ditanggung mereka.

Selain itu, katanya, premis gunting rambut dan salun kecantikan disaran memperkenalkan senarai harga setiap barang tambahan serta caj servis pemotongan rambut.

"Saya ingin memberikan contoh sekali lagi dengan andaian barang tambahan terbabit adalah apron plastik penutup badan pengguna berharga RM3, kos sarung tangan 50 sen dan cecair sanitasi tangan 30 sen."

"Maka jumlah kos tambahan boleh dikenakan bernilai RM3.80 sahaja. Pengusaha kedai gunting rambut tidak boleh mengenakan caj tambahan sehingga RM10."

"Pengguna juga boleh mengemukakan aduan terhadap mana-mana kedai gunting dan pendandan rambut serta salun kecantikan yang mengenakan caj tambahan tidak munasabah," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Semalam, caj gunting dan dandanan rambut dilapor akan dinaikkan antara RM5 hingga RM10 bagi setiap pelanggan susulan peningkatan kos operasi pematuhan prosedur operasi standard (SOP) terhadap perkhidmatan itu.

Caj itu dipersetujui tujuh persatuan gunting rambut yang menyertai gabungan berkenaan pada mesyuarat diadakan baru-baru ini.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman, berkata pengusaha kedai gunting rambut dan salun berdepan hukuman penjara atau denda maksimum RM100,000 jika disabit bersalah kerana mengenakan caj tidak munasabah kepada pelanggan.

Beliau berkata, ia berikutan pengusaha terbabit boleh disiasat mengikut Seksyen 14 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 bagi kesalahan itu.

Sehubungan itu, katanya, pengusaha perlu mengenakan caj tambahan mengikut kos sebenar dan mengambil kira pembelian barang terbabit secara pukal.

"Peniaga perlu mematuhi perundangan yang dikuatkuasakan dan tidak seharusnya menaikkan harga dengan alasan untuk menampung kerugian dialami secara mendadak."

"Bahagian Penguat Kuasa akan menyiasat untuk menentukan sama ada ia adalah kos bahan, peralatan, upah langsung atau belanja perniagaan, jika peningkatan harga yang dibuat adalah disebabkan peningkatan kos."

"Selain itu, siasatan sama ada kenaikan berkenaan adalah munasabah dan selaras ditetapkan di bawah perundangan AKHAP 2011 atau sebaliknya," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/697650/caj-tambahan-gunting-dandan-rambut-munasabah-rm4>